

By : TAN SRI MOHD. SIDEK BIN HJ. HASSAN
KETUA SETIAUSAHA NEGARA
Venue : Putrajaya International Convention Centre
Date : 18/08/2007
Title : MAJLIS MAKAN MALAM PROGRAM PERTUKARAN LAWATAN PEGAWAI-PEGAWAI
KANAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Bismillahir rahmanir rahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Yang Mulia Pengiran Dato' Paduka Hj. Abdul Hamid bin Pangiran Hj. Md. Yassin
Setiausaha Tetap
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Tuan Yang Terutama Dato Seri Setia Dr. Haji Mohd Amin bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka
Haji Abd Rahim Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam

Y. Bhg. Tan Sri-Tan Sri, Dato'-Dato',

Pegawai-Pegawai Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam dan Malaysia,

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

Saya mengucapkan syukur kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin Nya, kita dapat berhimpun dalam Majlis Makan Malam yang penuh bermakna ini, sempena Program Pertukaran Lawatan Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan Malaysia. Pada tahun ini giliran Malaysia pula untuk menjadi tuan rumah bagi program ini.

2. Saya serta rakan-rakan Perkhidmatan Awam Malaysia dengan sukacitanya mengalu-alukan kedatangan rombongan Pegawai Kanan Kerajaan Negara Brunei Darussalam ke Kuala Lumpur dan Putra Jaya, yang telah tiba sejak dua hari yang lalu. Lawatan sebegini pastinya akan memberi banyak manfaat dalam usaha kita untuk merapatkan lagi silaturahim dan kerjasama yang sedia terjalin di antara pegawai-pegawai perkhidmatan awam dari kedua-dua buah negara.

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Peranan dan tanggungjawab Perkhidmatan Awam sebagai penggerak utama dalam usaha pembangunan negara adalah merupakan suatu kenyataan yang tidak boleh dinafikan lagi. Tugas kita untuk mencapai matlamat dan cita-cita negara menjadi semakin mencabar dalam era globalisasi dan kemajuan teknologi masa kini, yang memerlukan kita bertindak dengan cepat dan tepat untuk berjaya dalam pasaran global yang semakin pesat dan berdaya saing. Kita juga memerlukan tindakan secara bersama dan menyeluruh, dan tidak secara bersendirian dan terpencil. Dalam hubungan ini, bagi Malaysia dan negara Brunei Darussalam yang mempunyai banyak persamaan dari segi sejarah, adat resam dan budaya, di samping berada di rantau yang sama, perkhidmatan awam kedua-dua buah negara perlu bergerak seiring dan bekerjasama antara satu sama lain.

4. Sebagai dua buah negara berjiran yang mempunyai hubungan erat di pelbagai peringkat, hubungan mesra dan rapat yang terjalin melalui program seperti ini akan dapat meningkatkan persefahaman serta mengukuhkan lagi hubungan dua hala antara negara. Ia juga memberi kesempatan kepada pegawai-pegawai perkhidmatan awam dari kedua-dua buah negara untuk saling berkenalan dalam suasana yang informal. Adalah diharapkan peluang ini akan digunakan untuk berinteraksi dan mewujudkan "networking" sesama sendiri bagi meningkatkan persefahaman dan kerjasama.

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Malaysia komited untuk meningkatkan hubungan dan mengeratkan kerjasama pelbagai bidang dengan Brunei. Komitmen ini telah ditunjukkan oleh pucuk pimpinan kedua-dua buah negara, umpamanya dalam Rundingan Tahunan Malaysia-Brunei ke-11 pada hari Selasa, 14 Ogos 2007, menyatakan komitmen untuk meneruskan kerjasama erat dalam perdagangan, pelaburan, kewangan, pengangkutan serta teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

6. Selain itu, pemimpin kedua-dua negara turut memperbaharui ikrar meningkatkan lagi hubungan dua hala dalam sektor pertahanan, kesihatan, pendidikan serta pelancongan untuk manfaat bersama. Dalam usaha memperluaskan kerjasama ekonomi, terutama perdagangan dan pelaburan, pegawai kedua-dua buah negara diarah meneroka peluang dalam industri makanan halal, perbankan Islam serta pelancongan.

7. Sehubungan itu, saya berharap tindakan seterusnya akan diambil di peringkat kita pula, selaku pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam kedua-dua buah negara bagi memastikan persetujuan yang dicapai tersebut dilaksanakan dengan jayanya.

8. Saya penuh yakin dengan adanya aktiviti sukan dan rekreasi yang dimasukkan dalam program lawatan ini akan dapat mewujudkan suasana muhibah dan mesra yang akan dapat meningkatkan lagi perasaan keakraban serta semangat persaudaraan antara kedua-dua pihak.

9. Dalam apa jua pertandingan “menang” dan “kalah” adalah satu hakikat yang perlu diterima. Namun apa yang lebih penting ialah kita telah sama-sama dapat mencapai objektif dan matlamat seperti yang diharapkan.

Hadirin yang dihormati

10. Selaku Tuan Rumah bagi Program Pertukaran Lawatan pada tahun ini, saya mengucapkan terima kasih di atas kehadiran Yang Mulia Dato'-Dato' serta Tuan-tuan dan Puan-Puan sekalian. Saya harap agar saudara-saudari sekalian telah mendapat layanan yang baik dan selesa. Namun demikian, saya ingin memohon maaf sekiranya terdapat perkara-perkara yang kurang menyenangkan atau tidak selesa sepanjang saudara-saudari mengikuti aktiviti yang telah diatur selama dua hari di sini. Adalah diharapkan persahabatan serta persefahaman yang telah dijalin akan diteruskan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa akan datang.

Sekian

Wabillahitaufik walhidayah Wassalamualaikum warahmatullahi wabaraakatuh.